



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 33
No. 26

21hb. Disember 1989

TAMBAHAN No.
PERUNDANGAN

J. P.J. 35.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987
PERINTAH LALULINTAS JALAN (LETAK KERETA BERMETER)
(MAJLIS DAERAH JOHOR BAHRU TENGAH) 1989

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 72 Akta Pengangkutan Jalan 1987, Majlis Daerah Johor Bahru Tengah ^{Akt 10 333.} dengan persetujuan Menteri, membuat perintah berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Bermeter) (Majlis Daerah Johor Bahru Tengah) 1989 dan hendaklah berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*. Nama dan mula berkuatkuasa.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki *Tafsiran*, makna yang lain—

“atenden letak kereta” ertinya mana-mana orang yang dilantik di bawah perenggan 5 dan termasuklah mana-mana penyelia letak kereta dan mana-mana anggota Unit Pengawal yang dilantik oleh Yang Dipertua bagi mengawal mana-mana tempat letak kereta yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan bagi memungut caj/caj ditetapkan;

“Caj ditetapkan” ertinya caj yang ditetapkan dalam Jadual Pertama untuk membayar caj letak kereta bagi kereta motor yang diletak di tempat letak kereta atau di petak letak kereta;

“jalan” ertinya mana-mana jalan awam dan mana-mana jalan lain yang boleh dilalui oleh orang ramai dan adalah termasuk lorong belakang, bebendul jalan, jalan sisian, bahu jalan, jalankubin, siarkaki atau jalan lalu sama ada boleh dilalui terus atau tidak dan semua saluran, parit dan longkang di tepi mana-mana jalan;

“jenis automatik” berhubungan dengan meter letak kereta, ertinya pesawat yang terkandung di dalam meter letak kereta itu dijalankan hanya akan memasukkan syiling atau lain-lain cara alat atau kaedah sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang Dipertua dari masa ke semasa ke dalam meter letak kereta itu;

“jenis guna tangan” berhubungan dengan meter letak kereta, ertinya pesawat yang terkandung di dalam meter letak kereta itu dijalankan dengan memasukkan syiling ke dalam meter letak kereta itu dan dengan mengerjakan ganggang atau alat-alat lain yang terdapat pada meter itu;

“kereta motor tidak termasuk mana-mana motosikal atau motor skuter beroda dua;

“tempat Perhentian bas” ertinya satu kawasan yang diperihal dalam Jadual Kedua sebagai tempat perhentian bas;

“bas luar” ertinya sebuah bas yang biasanya berulang alik mencari sewa antara tempat-tempat yang dituju dalam kawasan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah dengan tempat-tempat yang dituju di luar kawasan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah;

“bayaran yang ditetapkan” ertinya bayaran yang ditetapkan dalam jadual-jadual itu;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Johor Bahru Tengah.

“letak kereta” termasuklah menunggu dalam sesuatu petak letak kereta;

“meter letak kereta” ertinya suatu radas yang dibina dan direka-bentuk untuk menerima dan menunjukkan bayaran kerana menggunakan sesuatu petak letak kereta dalam sesuatu tempat letak

kereta bagi maksud meletakkan sesuatu kereta motor dan adalah termasuk tiang besi, penyangga atau mana-mana topangan lain;

"petak letak kereta" ertinya petak yang ditanda dalam sesuatu tempat letak kereta bagi meletak satu kereta motor;

"sepanjang jalan" ertinya seluruh panjangnya jalan yang disebut namanya dalam Jadual Pertama;

"teksi luar" ertinya sebuah kereta teksi atau kereta sewa yang biasanya berulang alik untuk disewa antara tempat-tempat yang dituju dalam kawasan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah dengan tempat-tempat yang dituju di luar kawasan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah;

"tempat letak kereta" ertinya sesuatu tempoh masa yang ditunjukkan oleh meter letak kereta sebaik sahaja dimasukkan ke dalam meter letak kereta yang sesuatu syiling atau syiling mata wang Malaysia dengan nilai yang sesuai atau lain-lain cara alat atau kaedah sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang Dipertua dari masa ke semasa sebagai bayaran caj ditetapkan bagi tempoh letak kereta yang dikehendaki;

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Johor Bahru Tengah.

Mengadakan tempat-tempat letak kereta.

3. Jalan-jalan, sepanjang-panjang jalan atau tempat-tempat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama adalah tempat-tempat letak kereta yang akan disediakan dengan meter-meter letak kereta bagi meletak kereta-kereta motor selain daripada teksi-teksi luar dan bas-bas luar dan peruntukan-peruntukan Perintah ini hendaklah dipakai terhadapnya.

Petak-petak letak kereta.

4. Sesuatu tempat letak kereta bolehlah dibahagikan kepada petak-petak letak kereta dan bagi maksud-maksud Perintah ini tiap-tiap satu petak hendaklah disediakan dengan satu meter letak kereta.

Atandan letak kereta.

5. Yang Dipertua boleh melantik seorang atandan letak kereta atau lebih untuk bertugas di sesuatu tempat letak kereta.

Larangan meletak kereta dan menunggu.

6. Tiada seorang pun boleh meletak sesuatu kereta motor atau menyebabkan atau membenarkan sesuatu kereta motor menunggu di mana-mana jalan atau di sepanjang jalan atau di mana-mana tempat di mana atau yang di sebelahnya atau berdekatan dengannya ada suatu tempat letak kereta.

Cara bagi mana kereta motor hendak diletek.

7. (1) Tiada seorang pun boleh meletak kereta motor di petak letak kereta melintangi mana-mana garisan yang menandakan petak letak kereta itu atau dalam sesuatu kedudukan bahawa kereta motor tersebut tidak sebenarnya berada dalam kawasan yang ditentukan sebagai petak letak kereta itu.

(2) Mana-mana orang yang meletak kereta motor di sesuatu petak letak kereta hendaklah, tertakluk kepada subperenggan (1), memastikan kereta motor itu menghadapi ke arah lalulintas setakat mana garisan-garisan menandakan petak letak kereta itu boleh diikuti dan hendaklah menurut segala tanda dan isyarat yang ditunjukkan di petak letak kereta itu.

(3) Jika mana-mana kereta motor diletak di sesuatu petak letak kereta dengan melanggari peruntukan-peruntukan terdahulu seorang atenden letak kereta yang bertugas atau mana-mana pegawai polis boleh mengubah atau menyebabkan diubah kedudukan kereta motor itu supaya kedudukannya mematuhi peruntukan-peruntukan ini, dan pemandu atau pemunya kereta motor itu hendaklah mematuhi segala arahan yang sah di sisi undang-undang yang diberi kepadaanya oleh mana-mana atenden letak kereta yang bertugas atau mana-mana pegawai polis.

8. (1) Tiada seorang pun boleh meletak mana-mana kereta motor ^{Bayaran caj ditetapkan.} di sesuatu tempat letak kereta atau petak-petak letak kereta sepanjang masa yang dinyatakan dalam Jadual Pertama tanpa membayar caj ditetapkan bagi tempoh letak kereta yang dikehendaki.

(2) Caj ditetapkan yang kena dibayar bagi meletak kereta motor di petak letak kereta hendaklah dibayar dengan memasukkan ke dalam meter letak kereta yang disediakan bagi petak letak kereta tersebut sesuatu syiling atau syiling-syiling matawang Malaysia dengan nilai 10 sen, 20 sen atau 50 sen sebagaimana ditunjukkan pada meter letak kereta itu yang sama nilainya dengan amaun yang ditetapkan bagi tempoh di mana kereta motor itu boleh diletak.

(3) Tiada seorang pun boleh meletak mana-mana teksi atau bas luar di sesuatu tempat letak kereta atau petak letak kereta sepanjang masa yang dinyatakan dalam Jadual tanpa membayar caj ditetapkan bagi tempoh letak kereta yang dikehendaki.

9. Mana-mana orang yang meletak kereta motor di tempat letak kereta atau petak letak kereta tidak boleh membenarkan atau menyebabkan kereta motor itu terus berada di tempat letak kereta atau petak letak kereta itu apabila habis tempoh di mana ia dibenarkan diletak sebagaimana ditunjukkan pada meter letak kereta;

Kereta motor hendaklah diletakkan selepas habis tempoh letak kereta.

Dengan syarat bahawa jika orang itu berhasrat hendaklah melanjutkan tempoh letak kereta dengan melebihi tempoh yang baginya bayaran dibuat pada asalnya, orang itu boleh berbuat demikian sebelum atau apabila sahaja habis tempoh letak kereta itu dengan memasukkan apa-apa syiling tambahan kemudianya ke dalam meter letak kereta itu yang sama nilainya dengan amaun yang ditetapkan bagi tempoh tambahan itu, tetapi tiada apa-apa tempoh tambahan boleh dibenarkan selepas habis tempoh letak kereta itu.

10. Tiap-tiap satu meter letak kereta hendaklah sama ada dari jenis ^{Jenis meter letak kereta.} jenis automatic atau jenis guna tangan.

11. (1) Jika mana-mana orang yang menggunakan sesuatu petak letak kereta mendapat bahawa meter letak kereta yang ditempatkan bagi petak letak kereta itu rosak atau cacat, maka adalah menjadi kewajipan orang yang menggunakan petak letak kereta itu untuk memberitahu mana-mana atenden letak kereta yang bertugas tentang hal itu dan atenden letak kereta itu hendaklah menverifikasikannya. Setelah dibuat verifikasi sedemikian atenden letak kereta itu hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi di mana di

Kerosakan meter letak kereta.

atasnya hendaklah ditulis nombor pendaftaran kereta motor itu, tarikh dan tempoh di mana kereta motor itu dibenarkan diletak di petak kereta itu yang mana kadarnya dengan amanah yang dikatakan telah dimasukkan ke dalam meter letak kereta itu. Atandan letak kereta hendaklah sesudah itu menampalkan suatu salinan pendua resit rasmi itu pada windscreen atau mana-mana bahagian kereta motor itu yang mudah dilihat:

Dengan syarat bahawa jika meter letak kereta disediakan dengan satu lubang syiling, tempoh yang dibenarkan hendaklah sama kadarnya dengan syiling dari peringkat nilai yang disediakan bagi lubang itu dan jika meter letak kereta disediakan dengan berbilang lubang syiling tempoh yang dibenarkan tidak boleh melebihi tempoh yang sama kadarnya dengan syiling yang dikatakan telah dimasukkan ke dalam meter letak kereta itu dan tempoh itu tidak boleh dalam apa jua hal melebihi tempoh yang sama kadarnya dengan satu syiling.

(2) Atandan letak kereta yang bertugas hendaklah menampalkan pada meter letak kereta yang didapati rosak atau cacat sesuatu notis bagi maksud itu, atau menutup meter letak kereta itu dengan suatu penutup apa-apa cara lain yang difikirkan patut.

Keselamatan kereta motor lain.

Meng-
gunakan
tempat letak
kereta atau
petak letak
kereta.

12. Tiada satupun kereta motor boleh ditarik, dipandu atau ditolak dalam sesuatu tempat letak kereta selain dari menurut cara yang teratur dan berhati-hati dan dengan mengambil perhatian kepada keselamatan kereta-kereta motor lain dan orang-orang yang berada di tempat letak kereta itu.

13. (1) Yang Dipertua boleh menggantung penggunaan sesuatu tempat letak kereta atau petak letak kereta bilamana penggantungan sedemikian difikirkannya semunasabunya perdu.

(2) Atas penggantungan sedemikian, seorang wakil yang diberi kuasa dengan sempurnanya oleh Yang Dipertua hendaklah menampalkan suatu notis yang sesuai di tempat letak kereta atau di petak letak kereta yang berkenaan atau berhampiran dengannya, dan adalah menyalahi Undang-Undang bagi seseorang meletak mana-mana kereta motor di tempat letak kereta atau di petak letak kereta itu kecuali bagi maksud di mana penggantungan itu dibuat.

(3) Jika mana-mana orang menghendaki penggunaan sesuatu petak letak kereta atau petak-petak letak kereta supaya digantung bagi maksud persendirian sesuatu permohonan bagi penggantungan sedemikian bolehlah dibuat kepada Yang Dipertua dengan menyatakan tempat, nombor petak kereta dan tempoh penggantungan yang dikehendaki dan orang yang membuat permohonan itu hendaklah membayar kepada Yang Dipertua caj ditetapkan yang tertentu bagi jangka masa penggantungan itu.

Kereta-kereta
yang di-
coullkan.

14. Perintah ini tidaklah dipakai bagi:

(a) mana-mana ambulans atau mana-mana kereta Bomba atau apa-apa jua kereta yang diguna oleh Tentera Darat, Polis, atau Pejabat Pos;

(b) apa-apa jua kereta yang diguna oleh mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh atau di bawah mana-mana Undang-undang bertulis, atau di bawah mana-

mana perintah yang mempunyai kuatkuasa mana-mana Undang-undang bertulis, untuk membina, mendirikan atau menjalankan pekerjaan mengenai elektrik, air atau lain-lain pekerjaan awam, setakat mana kereta itu digunakan, untuk membina, mendirikan atau menjalankan pekerjaan mengenai itu;

- (c) sesebuah kereta yang telah diarahkan ke suatu petak letak kereta oleh seorang Pegawai Polis beruniform dalam masa ia menjalankan tugasnya; dan
- (d) lain-lain kereta yang dikecualikan oleh Yang Dipertua.

15. (1) Tiada seseorang pun boleh menghalang atau menyebabkan supaya dihalang mana-mana tempat letak kereta atau petak letak kereta. Penghalang
dan peng-
alihannya.

(2) Sesorang atendan letak kereta atau sesiapa jua yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Yang Dipertua boleh mengalihkan apa-apa jua benda yang menyebabkan penghalangan tersebut di atas dan pemunya atau pemunya-pemunya itu boleh dalam tempoh dua puluh satu hari, dari pengalihan itu, menurut benda itu daripada Yang Dipertua apabila dibayar kepada Yang Dipertua itu belanja mengalihkan dan menjaga benda itu.

(3) Yang Dipertua boleh pada bila-bila masa menjualkan benda yang tersebut di atas jika benda itu ialah dari jenis yang tidak taham lama dan juga menjualkan benda yang tanah lama selepas dua puluh satu hari yang berkenaan itu dan hasil dari penjualan itu hendaklah dipulangkan kepada pemunya dengan ditolak belanja yang tersebut dalam subperenggan (2) dan apa-apa belanja lain yang dilakukan berkaitan dengan penjualan itu dan jika sekiranya pemunya benda itu tidak dapat dipastikan hasilan yang disebutkan itu boleh dikreditkan kepada hasil Majlis selepas 12 bulan dari tarikh penjualan itu.

(4) Apabila sesebuah kereta motor diletak dengan melanggar mana-mana daripada peruntukan Perintah ini, maka atendan letak kereta atau sesiapa yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Yang Dipertua bolehlah menahan kereta itu daripada bergerak dengan merantai dan menguncinya dengan menggunakan sesuatu alat yang difikirkan patut oleh Yang Dipertua dan tidaklah boleh sesiapa pun mengalih kereta itu atau mengganggu rantai dan kunci itu Atas permintaan dan dengan syarat pemunya atau orang yang menjaga kereta motor itu membayar kepada Yang Dipertua suatu bayaran yang tidak lebih daripada lima puluh ringgit, Yang Dipertua boleh menanggalkan rantai dan kunci itu dan melepaskan kereta tersebut.

(5) Yang Dipertua tidaklah bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan yang berlaku kepada benda itu dalam masa mengalihnya dan semasa dalam jagaan Yang Dipertua.

16. Walau apa pun peruntukan perenggan 15 jika kereta motor diletak dengan berterusan selama lebih dari dua hari di tempat letak kereta atau di petak letak kereta dan meter letak kereta menunjukkan bahawa tempoh letak kereta telah tamat, kereta motor hendaklah dialih oleh mana-mana atendan letak kereta yang bertugas atau mana-mana pegawai Polis dari tempat letak kereta Kereta motor
akan dialih
oleh Yang
Dipertua
selepas dua
hari.

atau petak letak kereta itu dan disimpan dalam jagaan selamat. Yang Dipertua sehingga dilepaskan dengan perintah oleh Yang Dipertua.

Dengan syarat Yang Dipertua hendaklah memberi notis bertulis dengan seberapa segera yang munasabah kepada pemunya kereta motor jika nama dan alamat pemunya itu diketahui, mengenai pengalihan dan jagaan kereta motor itu.

(2) Kereta motor itu boleh terus berada dalam jagaan selamat Yang Dipertua sehingga segala caj ditetapkan bagi tempoh yang tidak dibayar, sehingga masa kereta motor itu dialih dari tempat letak kereta atau petak letak kereta motor itu termasuk bayaran pengalihan telah dibayar kepada Yang Dipertua.

Larangan berdagang atau berinduksi di tempat letak kereta.

Larangan membekuh atau mencuci.

Orang-orang yang diberikan di tempat letak kereta.

Larangan membuang resit.

Kecemasan.

Gangguan terhadap meter letak kereta.

Lisabiliti pemunya berdaftar.

17. Tiada seorang pun boleh menggunakan mana-mana tempat letak kereta atau petak letak kereta bagi maksud menjalankan apa-apa perdagangan atau perniagaan.

18. Tiada seorang pun boleh membasuh atau mencuci atau menyebabkan atau membenarkan supaya dibasuh atau dicuci mana-mana kereta motor yang diletak di sesuatu tempat letak kereta atau petak letak kereta.

19. Tiada seorang pun selain daripada atendan letak kereta yang bertugas atau pemunya atau pemandu atau penumpang kereta motor yang diletak di sesuatu tempat letak kereta boleh berada atau tinggal di tempat letak kereta.

20. Tiada seorang pun selain daripada seorang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua boleh membuang atau menyebabkan supaya dibuang apa-apa resit yang dikeluarkan oleh seseorang atendan letak kereta yang bertugas ditampal pada windscreen atau mana-mana bahagian kereta motor atau petak letak kereta.

21. Dalam hal sesuatu kecemasan, mana-mana atendan letak kereta yang bertugas atau mana-mana pegawai polis atau mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Yang Dipertua boleh mengalih atau menyebabkan supaya dialih mana-mana kereta motor yang diletak di sesuatu tempat letak kereta atau petak letak kereta ke mana-mana tempat yang difikirkan patut.

22. Tiada seorang pun boleh mengalih atau mengetuk, atau mengganggu atau mengusik pejalan sesuatu meter letak kereta atau cuba melakukan mana-mana daripada perbuatan sedemikian, atau tanpa kuasa yang sempurna menampal atau cuba menampal apa-apa plekat, iklan, notis, senarai, dokumen, papan atau benda atau mengecat, atau menulis atas, atau merosakkan atau selainnya menyalahgunakan mana-mana meter letak kereta.

23. Dalam hal pelanggaran terhadap atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan Perintah ini pemunya berdaftar kereta motor adalah dianggap sebagai telah melanggari atau gagal mematuhi peruntukan atau peruntukan-peruntukan itu jika orang (yang bukannya pemunya berdaftar) yang sebenarnya melanggari atau gagal mematuhi peruntukan atau peruntukan-peruntukan itu tidak diketahui atau tidak dijumpai.

JADUAL PERTAMA

<i>Tempat Letak Kereta</i>	<i>Caj Dilecapkan</i>	<i>Jenis Tempat Letak Kereta</i>	<i>Masa-masa Dikawal</i>
----------------------------	-----------------------	----------------------------------	--------------------------

KAWASAN—A. TAMAN UNGKU TUN AMINAH

1. Jalan Pahlawan 1	10 sen tiap-tiap 15 minit	Tempat letak bermeter	Antara pukul 8.00 pagi dan 4.00 petang
2. Jalan Perwira 1	10 sen tiap-tiap 15 minit	Tempat letak bermeter	Antara pukul 8.00 pagi dan 4.00 petang
3. Jalan Perwira 2	10 sen tiap-tiap 15 minit	Tempat letak bermeter	Antara pukul 8.00 pagi dan 4.00 petang
4. Jalan Nakhoda 1	10 sen tiap-tiap 15 minit	Tempat letak bermeter	Antara pukul 8.00 pagi dan 4.00 petang
5. Jalan Nakhoda 2	10 sen tiap-tiap 15 minit	Tempat letak bermeter	Antara pukul 8.00 pagi dan 4.00 petang
6. Jalan Nakhoda 7	10 sen tiap-tiap 15 minit	Tempat letak bermeter	Antara pukul 8.00 pagi dan 4.00 petang
7. Jalan Bentara 1	10 sen tiap-tiap 15 minit	Tempat letak bermeter	Antara pukul 8.00 pagi dan 4.00 petang
8. Jalan Bentara 20	10 sen tiap-tiap 15 minit	Tempat letak bermeter	Antara pukul 8.00 pagi dan 4.00 petang
9. Jalan Perwira 9	10 sen tiap-tiap 15 minit	Tempat letak bermeter	Antara pukul 8.00 pagi dan 4.00 petang
10. Jalan Lakshmana 1	10 sen tiap-tiap 15 minit	Tempat letak bermeter	Antara pukul 8.00 pagi dan 4.00 petang
11. Jalan Shah Bandar 3	10 sen tiap-tiap 15 minit	Tempat letak bermeter	Antara pukul 8.00 pagi dan 4.00 petang
12. Jalan Hulubalang 1	10 sen tiap-tiap 15 minit	Tempat letak bermeter	Antara pukul 8.00 pagi dan 4.00 petang

KAWASAN—B. TAMAN SKUDAI BARU

1. Jalan Ronggeng 1	10 sen tiap-tiap 15 minit	Tempat letak bermeter	Antara pukul 8.00 pagi dan 4.00 petang
2. Jalan Ronggeng 2	10 sen tiap-tiap 15 minit	Tempat letak bermeter	Antara pukul 8.00 pagi dan 4.00 petang
3. Jalan Ronggeng 3	10 sen tiap-tiap 15 minit	Tempat letak bermeter	Antara pukul 8.00 pagi dan 4.00 petang
4. Jalan Ronggeng 11	10 sen tiap-tiap 15 minit	Tempat letak bermeter	Antara pukul 8.00 pagi dan 4.00 petang
5. Jalan Ronggeng 13	10 sen tiap-tiap 15 minit	Tempat letak bermeter	Antara pukul 8.00 pagi dan 4.00 petang